




MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA



# Laporan Peperiksaan **SPM 2018**

## *Seni Visual* (970)



# *Laporan Peperiksaan STPM 2018*

## *Seni Visual (970)*



**SASBADI SDN. BHD.** (139288-X)  
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))  
PETALING JAYA



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

*Diterbitkan oleh*

Sasbadi Sdn. Bhd. (139288-X),  
(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))  
Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,  
Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: +603-6145 1188  
Faks: +603-6145 1199  
Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com)  
e-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)

Majlis Peperiksaan Malaysia,  
Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,  
68100 Batu Caves,  
Selangor Darul Ehsan.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan memetik atau mencetak kembali  
mana-mana bahagian isi buku ini dalam bentuk apa jua dan dengan cara apa  
pun, baik secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau yang lain-lain  
sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada Penerbit.

© Majlis Peperiksaan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia

ISBN 978-983-77-1312-3

# KANDUNGAN

Seni Visual (970/1) .....	<b>1 – 3</b>
Seni Visual (970/2) .....	<b>4</b>

# SENI VISUAL (970/1)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada Semester 1 ini, sebanyak 8 075 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 61.65% daripadanya mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	10.01	4.67	3.58	7.48	10.84	11.91	13.16	6.39	5.70	5.31	20.95

## RESPONS CALON

### KERTAS 1 (*Apresiasi Seni Visual*)

#### **Komen am**

Kertas ini ialah kertas eseai bertulis yang terdiri daripada bahagian (a), iaitu bahagian soalan struktur. Bahagian (b) dan (c) pula ialah bahagian soalan eseai panjang. Pada keseluruhannya, mutu jawapan calon bagi kertas ini adalah sederhana. Kebanyakan calon tidak memahami kehendak soalan dengan baik dan tepat. Jawapan calon masih tertumpu kepada pengetahuan dan pemahaman secara asas dan umum sahaja.

#### **Komen soalan demi soalan**

### BAHAGIAN A

#### **Soalan 1**

Soalan ini menghendaki calon menyatakan karya Honore Daumier dari aspek jenis karya dan menyatakan tiga sebab pemilihan jenis karya tersebut. Soalan ini ialah soalan yang mudah namun majoriti calon tidak dapat menjawab soalan ini kerana tidak faham kehendak soalan. Calon hanya perlu menyatakan sama ada karya tersebut jenis karya lukisan, catan, cat air, media campuran, atau gabungan catan dan lukisan.

#### **Soalan 2**

Soalan ini menghendaki calon untuk menyenaraikan empat aspek yang dapat menunjukkan ekspresi dalam karya. Majoriti calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

#### **Soalan 3**

Soalan ini berdasarkan karya Rene Magritte, iaitu *The Lovers I*. Calon dikehendaki untuk memberikan unsur-unsur emosi yang cuba diperlihatkan oleh pelukis. Majoriti calon dapat memberikan fakta berkenaan unsur-unsur emosi dan menghuraikan kehendak soalan dengan baik.

## Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon untuk menjelaskan maksud prinsip rekaan (i) Harmoni dan (ii) Kepelbagaian. Majoriti calon tidak dapat memberikan maksud yang betul dan tepat. Ramai calon yang mengulang jawapan dalam (i) Harmoni ke dalam jawapan (ii) Kepelbagaian. Bagi soalan (b) pula calon perlu menjelaskan hubungan antara kedua-dua prinsip pada (i) Harmoni dan (ii) Keseimbangan dalam mewujudkan kesatuan bagi sesuatu karya. Majoriti calon gagal mengaitkan hubungan antara kedua-dua prinsip itu. Calon mengulang-ulang jawapan pada bahagian (a) ke dalam jawapan bahagian (b)

## BAHAGIAN B

### Soalan 5

Soalan ini menghendaki calon menyatakan mesej yang hendak disampaikan oleh pelukis dalam karya yang bertajuk *Antara Dua Hidangan*. Soalan ini menjadi pilihan ramai calon untuk menjawabnya. Majoriti calon dapat memberikan mesej yang betul dan tepat seperti yang dimaksudkan dalam karya.

### Soalan 6

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan teknik dalam karya yang bertajuk *Weld Quay* yang dikategorikan sebagai sebuah karya gerakan abstrak ekspresionisme. Calon dapat menghuraikan teknik penghasilan berdasarkan kefahaman calon seperti pengolahan warna, sapuan berus, dan aspek mujarad dalam karya.

### Soalan 7

Soalan ini menghendaki calon membahaskan pernyataan “Filem animasi tempatan kini tidak menunjukkan nilai budaya tempatan.” Majoriti calon dapat memberikan hujah-hujah yang baik mengenai filem-filem animasi tempatan yang tidak menggambarkan nilai budaya tempatan. Walau bagaimanapun, ramai calon yang memberikan contoh filem animasi bukan dari Malaysia.

### Soalan 8

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan nilai estetik dan praktikal reka bentuk sebuah iklan dalam majalah Travel3sixty. Calon dapat mengaitkan tipografi dengan nilai estetik dan juga nilai praktikal. Majoriti calon juga dapat menjelaskan nilai estetik dan praktikal dengan baik dan relevan dalam iklan tersebut.

## BAHAGIAN C

### Soalan 9

Soalan ini menghendaki calon membuktikan pernyataan “Pendekatan kritikan secara ilmiah adalah berbeza dengan kritikan secara jurnalistik”. Calon dapat membuat perbandingan antara pendekatan kritikan ilmiah dengan jurnalistik. Namun demikian, calon tidak dapat mengaitkan perbezaan antara kedua-dua kritikan ini. Calon lebih banyak menjelaskan unsur-unsur dalam strategi kritikan ilmiah sahaja tanpa mengaitkan perbezaannya dengan kritikan jurnalistik.

## Soalan 10

Soalan ini menghendaki calon menjelaskan bagaimana pelukis agung Leonardo da Vinci mengadunkan pengetahuan seni visual dan sains bagi mengukuhkan proses inovasi dalam penghasilan karya. Soalan ini tidak menjadi pilihan calon untuk menjawabnya. Calon tidak dapat memberikan jawapan yang kukuh. Majoriti calon gagal memahami kehendak soalan dengan lebih jelas. Calon lebih banyak menghuraikan karya Monalisa tanpa menjelaskan inovasi yang dibawa oleh pelukis, misalnya segi tiga emas dan anatomi.

# SENI VISUAL (970/2)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada semester 2 2018, sebanyak 7 933 calon menduduki peperiksaan bagi mata pelajaran ini dan 94.48% daripadanya telah mendapat lulus penuh.

Peratusan calon mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	22.02	6.90	9.40	6.66	14.28	15.06	18.13	2.29	2.96	0.78	1.51

## RESPONS CALON

### KERTAS 2 (*Lukisan*)

#### **Komen am**

Kertas soalan ini mengandungi soalan yang menguji kemahiran calon dalam penghasilan lukisan. Soalan ini berbentuk gubahan idea iaitu calon diberikan bahan untuk menghasilkan sesuatu idea yang baharu. Calon dikehendaki untuk memilih salah satu bahan yang disediakan, iaitu cili atau tomato.

#### **Komen soalan**

Soalan ini menghendaki calon menghasilkan sebuah permainan telefon bimbit kanak-kanak dengan menjadikan bahan pilihan mereka, sama ada cili atau tomato sebagai idea rujukan. Soalan terbahagi kepada tiga bahagian. Bahagian (a) memerlukan calon untuk melukis semula bahan pilihan mereka. Majoriti calon dapat melukis secara realistik dengan baik merujuk kepada bahan yang dipilih oleh mereka. Bahagian (b) memerlukan calon untuk menghasilkan tiga olahan idea permainan telefon bimbit kanak-kanak daripada bahan itu. Namun begitu, ramai calon yang tidak menghasilkan olahan idea seperti pada kehendak soalan. Sebaliknya calon menghasilkan gubahan idea dan ini memberikan kesan pengurangan markah pada soalan bahagian ini. Daripada tiga olahan tersebut, calon perlu memilih satu olahan idea itu dan menghasilkan lukisan yang lengkap bagi permainan telefon bimbit kanak-kanak pada bahagian (c). Kekuatan calon ialah kemahiran melukis yang baik dan menghasilkan idea-idea yang kreatif.

# *Laporan* *Peperiksaan* **STPM 2018**



**SASBADI SDN. BHD.** (139288-X)

(Anak syarikat milik penuh Sasbadi Holdings Berhad (1022660-T))

Lot 12, Jalan Teknologi 3/4, Taman Sains Selangor 1,

Kota Damansara, 47810 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6145 1188 Faks: +603-6145 1199

Laman web: [www.sasbadisb.com](http://www.sasbadisb.com) e-mel: [enquiry@sasbadi.com](mailto:enquiry@sasbadi.com)



**MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA**

Persiaran 1, Bandar Baru Selayang,

68100 Batu Caves, Selangor Darul Ehsan.

Tel: +603-6126 1600 Faks: +603-6136 1488

e-mel: [ppa@mpm.edu.my](mailto:ppa@mpm.edu.my)

ISBN 978-983-77-1312-3



9 789837 713123